# 2018

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

# LAPORAN TAHUNAN



# Isi Kandungan


**MAKLUMAT KORPORAT**

| | |
|---|---|
| FUNGSI LEMBAGA | 01 |
| PENASIHAT | 02 |
| PENGERUSI | 02 |
| AHLI LEMBAGA | 03 |
| KUMPULAN PENGURUSAN | 05 |

**PENGURUSAN ORGANISASI**

| | |
|---|---|
| HALA TUJU STRATEGIK | 06 |
| PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN | 07 |
| USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI | 09 |
| PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI | 10 |
| ICT DALAM PENGURUSAN | 15 |
| KEWANGAN | 16 |

**PENGURUSAN SUMBER ASLI**

| | |
|---|---|
| KAWALAN PEMBANGUNAN | 19 |

**KUALITI HIDUP MASYARAKAT**

| | |
|---|---|
| INFRASTRUKTUR FIZIKAL | 23 |
| KEMUDAHAN SOSIAL | 24 |
| PENGURUSAN KESIHATAN | 26 |
| PENGURUSAN SISA PEPEJAL | 35 |

**PELANCONGAN**

| | |
|---|---|
| PRODUK | 37 |
| AKSESSIBILITI | 43 |
| KEMUDAHAN PELANCONGAN | 45 |
| STATISTIK PELANCONGAN | 46 |

**PENYATA KEWANGAN** 48

# MAKLUMAT KORPORAT



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2018

# MAKLUMAT KORPORAT

**Fungsi Lembaga**

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;

b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;

c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;

d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan

e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

**PENGERUSI LEMBAGA**

**(Peruntukan Seksyen 5(1) (a), Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman (Pindaan) 2002, bertarikh 11/6/2002)**



**PENGERUSI**
**YAB. Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail,**
**SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.,**
Menteri Besar Pahang

**TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA**

**(Peruntukan Seksyen 5(1)(aa), Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman (Pindaan) 2002, bertarikh 11/6/2002)**



**TIMBALAN PENGERUSI**
**YB. Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail,**
**SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.,**
Setiausaha Kerajaan Pahang

**AHLI LEMBAGA**

**(Peruntukan Seksyen 5(1)(b) Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman (pindaan) 2002 bertarikh 11/6/2002)**

**Tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan.**



**YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**
(Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan),
Kementerian Pelancongan,
Seni dan Budaya Malaysia)



**YBhg. Dato' Mohd. Sallehhuddin bin Hassan**
(Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian dan
Industri Asas Tani Malaysia)



**Puan Norhana binti Abdul Azis**
(Timbalan Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun,
Kementerian Kewangan Malaysia)

**AHLI LEMBAGA**

**(Peruntukan Seksyen 5(1)(c) Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman (Pindaan) 2002 bertarikh 11/6/2002)**

**Lima orang anggota lain yang dilantik Menteri Besar**



**YH. Dato' Sri Maznah binti Mazlan**



**YH. Dato' Setia Wangsa Pahang Dato' Indera Haji Mustafar bin Abu Bakar**



**YH. Dato' Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Salleh**



**YH. Dato' Haji Md. Rusli bin Ismail**



**YB. Datin Hajah Shamsiah binti Haji Arshad**
(Ahli Dewan Undangan Negeri, Muadzam Shah)

KUMPULAN PENGURUSAN



**PENGURUS BESAR**

**YH. Dato' Khairur Rizal bin Ramli**



**PENGURUS**
**KHIDMAT PENGURUSAN**
**Puan Nor Zaihan binti Othman**



**PEGAWAI**
**PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
**Puan Nazratul Azra binti Tukirin**

# PENGURUSAN ORGANISASI



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2018

# PENGURUSAN ORGANISASI

## HALA TUJU STRATEGIK

### Visi

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

### Misi

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

### Teras Strategik

- Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Memperkasakan keupayaan modal insan.
- Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.
- Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan

## PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN

### Perjawatan

Jawatan yang diluluskan kepada Lembaga Pembangunan Tioman oleh Agensi Pusat masih kekal seperti tahun lepas iaitu 42 jawatan. Kelulusan diberikan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B7 Tahun 2018 berkuatkuasa 1 Januari 2018.

Walau bagaimanapun terdapat pindaan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B26 Tahun 2018 bertarikh 16 Mei 2018 berkuatkuasa 1 Januari 2018. Oleh itu, dengan berkuatkuasanya SKP terbaru ini, semua perjawatan dalam SKP terdahulu adalah dimansuhkan.

**Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2018 adalah seperti Jadual di bawah:-**

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | SURAT KELULUSAN PERJAWATAN (S.K.P) (OS11000) | | | ANGGARAN BELANJA MENGURUS (OS29000) | | JUMLAH | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGISIAN | | PENGISIAN | | | |
| | | TETAP | KONTRAK *(Contract Of Service)* | KONTRAK *(Contract Of Service)* | KONTRAK *(Contract For Service)* | | |
| Pengurusan & Profesional | 5 | 4 | 0 | 0 | 0 | 4 | 1 |
| Pelaksana | 37 | 34 | 0 | 11 | 3 | 48 | 3 |
| **JUMLAH** | **42** | **38** | **0** | **11** | **3** | **52** | **4** |

**Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Tahun 2018**

Sehingga akhir tahun 2018, terdapat empat (4) kekosongan jawatan yang masih belum diisi berikutan proses pengukuhan perjawatan, kenaikan pangkat, pegawai berpencen dan juga kematian pegawai.

Jawatan-jawatan yang kosong ini melibatkan jawatan Pegawai Tadbir, Gred N41/N44, Pelukis Pelan, Gred JA19, Pembantu Laut, Gred A19 dan Pembantu Awam, Gred H14.

Selain perjawatan yang diwujudkan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B26 Tahun 2018, Pengurusan Lembaga juga mewujudkan sebelas (11) jawatan-jawatan kontrak *(Contract Of Service)* di bawah Anggaran Belanja Mengurus (OS29000) Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2018.

Di samping itu, Pengurusan Lembaga turut melantik semula tiga (3) orang anggota *Contract For Service* berdasarkan keperluan semasa Lembaga. Senarai perjawatan tersebut adalah seperti berikut:-

| KUMPULAN PERKHIDMATAN/ JAWATAN | GRED | JUMLAH |
|---|---|---|
| **CONTRACT OF SERVICE** | | |
| **Pelaksana** | | |
| 1. Penolong Pegawai Penilaian | W29 | 1 |
| 2. Penolong Jurutera (Mekanikal) | JA29 | 1 |
| 3. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N19 | 6 |
| 4. Pemandu Kenderaan | H11 | 1 |
| 5. Pembantu Awam | H11 | 2 |
| **JUMLAH** | | **11** |
| **CONTRACT FOR SERVICE** | | |
| 6. Pembantu Awam | H11 | 3 |
| **JUMLAH** | | **3** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **14** |

Keperluan perjawatan di Lembaga akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut fungsi dan skop tugas semasa melalui proses pengukuhan perjawatan yang dilaksanakan secara bersama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

## Kursus / Bengkel / Latihan

Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan Lembaga bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

| Bil | Bil Hari | TAHUN 2018 | | PERBANDINGAN TAHUN 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil Anggota | Peratus | Bil Anggota | Peratus |
| 1 | > 7 | 19 | 36.54 | 9 | 17.31 |
| 2 | 7 | 2 | 3.85 | 3 | 5.77 |
| 3 | 6 | 2 | 3.85 | 0 | - |
| 4 | 5 | 5 | 9.62 | 2 | 3.85 |
| 5 | 4 | 3 | 5.77 | 1 | 1.92 |
| 6 | 3 | 10 | 19.23 | 2 | 3.85 |
| 7 | 2 | 6 | 11.54 | 10 | 19.23 |
| 8 | 1 | 0 | 0.00 | 24 | 46.15 |
| 9 | 0 | 5 | 9.62 | 1 | 1.92 |
| **JUMLAH** | | **52** | **100%** | **52** | **100%** |

**Jadual 2: Statistik Kehadiran Kursus/Bengkel/Latihan Tahun 2018**

Dalam tahun ini seramai 21 orang daripada 52 orang kakitangan Lembaga (tidak termasuk kakitangan yang dipinjamkan ke Pejabat KDYMM Sultan Pahang) mencapai sasaran menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun iaitu sebanyak 40.38% berbanding tahun lalu seramai 12 orang daripada 52 orang atau 23.08% dengan jumlah peningkatan sebanyak 17.3%.

Perancangan Pelan Latihan bagi tahun 2019 akan diperkemaskan lagi bagi memastikan penyertaan menghadiri kursus pada tahun hadapan dapat dipertingkatkan lagi samada melalui kursus anjuran jabatan/agensi luar ataupun penganjuran kursus secara dalaman bagi memenuhi keperluan kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun dan akan melibatkan semua lapisan gred jawatan.

## USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI

### Pemantapan Dokumen Manual Prosidur Kerja dan Fail Meja

Proses pemantapan dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi semua anggota perkhidmatan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada arahan semasa Kerajaan menerusi MyPortfolio masing-masing.

## PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI

**Majlis Bersama Jabatan**

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Lembaga Pembangunan Tioman dapat dilaksanakan sebanyak empat (4) kali dalam tahun 2018. Pengurusan Lembaga akan memastikan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan ini dapat diadakan mengikut takwim yang telah ditetapkan iaitu empat (4) kali setahun pada tahun hadapan.

| BIL | BIL MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | 1/2018 | 30.05.2018 |
| 2 | 2/2018 | 13.06.2018 |
| 3 | 3/2018 | 24.09.2018 |
| 4 | 4/2018 | 14.12.2018 |

**Jadual 3: Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Tahun 2018**

**Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan Dan *"Sense Of Urgency (SOU)"* Untuk Anggota Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2018**

Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan dan *'Sense Of Urgency (SOU)'* adalah bertujuan untuk mendedahkan semua Anggota Perkhidmatan dalam kepentingan untuk memupuk semangat kerja berpasukan dan bekerjasama dalam organisasi, membantu anggota perkhidmatan ke arah yang lebih cemerlang dan mengimbangkan jati diri serta mental dan rohani dalam melaksanakan setiap tugasan.

Kursus ini juga bertujan untuk melahirkan anggota perkhidmatan yang cekap dalam interaksi secara berkumpulan dengan melakukan aktiviti dan khidmat bakti dalam mencapai matlamat utama iaitu untuk membentuk anggota serta organisasi yang cemerlang.

Kursus ini telah dijalankan di Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin, Kg Pantai Bernas, Rompin Pahang. Jumlah anggota perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut :





| Bil | Tarikh | Lokasi | Jumlah Anggota Perkhidmatan |
|---|---|---|---|
| 1 | 5-6/12/ 2018 | Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin, Kg. Pantai Bernas | 26 orang |

Jadual 5 – Kursus Pengukuhan





Berikutan perubahan dan impak yang positif terhadap Anggota Perkhidmatan selepas menghadiri kursus tersebut, Unit Latihan telah merancang dan mencadangkan kursus yang sama turut diadakan di Pulau Tioman dengan melakukan penambahbaikan dalam aktiviti Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan dan *'Sense Of Urgency (SOU) ini'*.





**Program Utama**

**Majlis Kacau Bubur Lambuk dan Program Agihan Bubur Lambuk**

Untuk tujuan mengeratkan silaturahim sesama kakitangan dan komuniti setempat, Kelab Keluarga dan Sukan Lembaga Pembangunan Tioman (KKSLPT) akan mengadakan aktiviti yang melibatkan semua ahli pada setiap tahun.

Untuk tujuan itu, pada tahun ini KKSLPT mengadakan Majlis Kacau Bubur Lambuk dan Program Agihan Bubur Lambuk untuk berbuka puasa bagi semua Anggota Perkhidmatan Lembaga di Tg. Gemok di samping untuk edaran penduduk di sekitar Tg. Gemok pada 24 Mei 2018.

Program yang sama turut diadakan di Pulau Tioman pada 12 Jun 2018 bagi Anggota Perkhidmatan di Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan selain untuk edaran kepada penduduk di sekitar Kg. Tekek, Pulau Tioman.



**Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2018**

Selain itu, Kelab Keluarga dan Sukan Lembaga Pembangunan Tioman (KKSLPT) turut mengadakan Jamuan Hari Raya bersama komuniti Pulau Tioman pada 5 Julai 2018. Majlis yang diadakan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat dan juga pelancong yang berkunjung ke Pulau Tioman. Majlis Sambutan Hari Raya ini diharapkan dapat dilaksanakan setiap tahun di Pulau Tioman sebagai salah satu acara pelancongan Lembaga Pembangunan Tioman.





## ICT DALAM PENGURUSAN

### Pengurusan Sistem HRMIS

Pencapaian KPI HRMIS Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun 2018 masih kekal 100% dan diberi pengiktirafan lima (5) bintang.

| MODUL (WAJARAN) | MARKAH (%) | PENCAPAIAN KPI |
|---|---|---|
| Data Perjawatan (20%) | 20 |  |
| Rekod Peribadi & Profil Perkhidmatan (20%) | 20 | |
| Sasaran Kerja Tahunan (SKT) (15%) | 15 | |
| Perisytiharan Harta (15%) | 15 | |
| LNPT (20%) | 20 | |
| Penamatan Perkhidmatan (10%) | 10 | |
| JUMLAH | 100% | 5 BINTANG |

Jadual 6: Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2018

## BELANJAWAN DAN KEWANGAN

### Kedudukan Kewangan

Bagi **Bajet Tahun 2018**, Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman mengangarkan **terimaan berjumlah RM1,099,159** daripada hasil-hasil utama Lembaga iaitu Kutipan Cukai Taksiran Am (CTA), Sumbangan Membantu Kadar (SMK), Perlesenan dan Hasil Pelbagai.

| BIL | PERKARA | BAJET | TERIMAAN SEBENAR |
|---|---|---|---|
| | | RM | |
| 1. | Cukai Taksiran Am | 530,000 | 595,420 |
| 2. | Sumbangan Membantu Kadar | 35,632 | 35,632 |
| 3. | Lesen Perniagaan | 90,000 | 113,236 |
| 4. | Sewa Ruang Niaga | 90,000 | 119,915 |
| 5. | Sewa Pelbagai | - | 7,018 |
| 6. | Rumah Kakitangan | - | 6,000 |
| 7. | Pendapatan Notis/Denda | - | 2,261 |
| 8. | Permit Bangunan | - | 2,000 |
| 9. | Pelbagai Pendapatan | 135,000 | 217,677 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **880,632** | **1,099,159** |

**Jadual 7: Bajet Kutipan Hasil Utama Lembaga bagi tahun 2018**

### Prestasi Kutipan Hasil Utama

**1. Cukai Taksiran Am (CTA)**

Mulai tahun 2018, bilangan pemegang-pemegang Harta yang dikenakan CTA adalah **340 pegangan** (daripada **pegangan asal 123** pada tahun sebelumnya) dengan nilai CTA sebanyak **RM658,309.32.**

Sehingga 31 Disember, 2018, Lembaga telah berjaya mengutip hasil CTA sebanyak RM595,420 iaitu 90% dari nilai pegangan semasa yang dinyatakan dalam Bajet Asal 2018.

**2. Sumbangan Membantu Kadar (SMK)**

Lembaga telah menerima hasil dari tuntutan kutipan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Aset Kerajaan Persekutuan pada 26 September, 2018 dan Aset Kerajaan Negeri pada 27 September, 2018.

**3. Sewaan Ruang Niaga**

Hasil Sewaan Ruang Niaga yang **Patut Kutip** dalam tahun 2018 ialah sebanyak **RM116,985**. Dalam tahun semasa, sehingga 31 Disember, 2018, Lembaga telah berjaya mengutip hasil sewaan sebanyak **RM119,915 iaitu melebihi daripada sasaran kutipan** Patut Kutip sebanyak **RM2,930.**

4. Perlesenan

Sepanjang tahun 2017, terdapat 241 lesen (melibatkan 358 jenis perniagaan) telah dikeluarkan oleh Lembaga. Sehingga 31 Disember, 2018, sebanyak 342 lesen (290 lesen lama dengan 50 daripadanya adalah lesen tahun 2019 yang diperbaharui pada tahun 2018 dan 52 lesen baharu) melibatkan 494 jenis perniagaan dikeluarkan oleh Lembaga.

**5. Hasil Pelbagai**

Selain daripada kutipan hasil di atas, Lembaga juga turut menerima hasil daripada penjualan borang-borang tender/sebut harga, sewa bot dan kenderaan, kutipan sampah di kawasan persendirian, serta Faedah ke atas Simpanan Tetap. Jumlah perolehan setakat 31 Disember, 2018 daripada Hasil Pelbagai ini adalah sebanyak **RM234,956.**

**Perbelanjaan**

Perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2018 adalah seperti berikut:-

| BIL | BUTIRAN PERBELANJAAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Belanja Mengurus | 3,754,911 |
| 2. | Belanja Pembangunan | 434,319 |
| | **JUMLAH** | **4,189,230** |

**Jadual 8 : Prestasi Perbelanjaan 2018**

**PENYATA KEWANGAN**

Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dikeluarkan pada 26 Ogos 2019. Penyata Kewangan beraudit Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dilampirkan bersama-sama Laporan Tahunan ini.

# PENGURUSAN SUMBER ASLI



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2018

## PENGURUSAN SUMBER ASLI

### RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN (PENGUBAHAN) 2015

Rancangan Tempatan Daerah Rompin (Pengubahan) 2015 telah diwartakan pada 20 Disember 2012 dengan No Warta 1884 hendaklah dibaca bersekali dengan Rancangan Tempatan Daerah Rompin (2002 – 2015) yang telah digunapakai sehingga kini sebagai garis panduan perancangan pembangunan di Pulau Tioman. Daerah Rompin terdiri daripada lima (5) mukim iaitu mukim Keratong, Rompin, Pontian, Endau dan Tioman dan Tioman terletak di dalam Blok Perancangan 6 (BP 6).

### DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) GUGUSAN PULAU TIOMAN PAHANG, 2030

Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) telah dijalankan selama enam (6) bulan bermula pada 19 April 2018 hingga Oktober 2018. Dokumen yang akan disediakan meliputi Cadangan Pelan Tindakan Pembangunan dan Cadangan Pelan Pengurusan dan Pelaksanaan di Gugusan Pulau Tioman yang meliputi kawasan seluas 14,509 hektar untuk tempoh perancangan sehingga 2030.

Bengkel bersama pihak berkepentingan iaitu bersama wakil-wakil penduduk, agensi teknikal, pengusaha pelancongan dan NGO juga telah diadakan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan supaya terlibat secara langsung dalam menentukan hala tuju pembangunan di kawasan kajian serta bersama-sama memberikan pandangan ke arah memantapkan lagi cadangan RKK ini.



Sesi Focus Group Discussion (FGD) bersama Pihak – Pihak Berkepentingan

Hasil daripada bengkel-bengkel yang telah dijalankan dan beberapa siri mesyuarat juga telah membentuk matlamat pembangunan Rancangan Kawasan Khas ini iaitu untuk ***"Mempertingkatkan Imej dan Identiti Tioman Sebagai Destinasi Ekopelancongan Bertaraf Antarabangsa Yang Unggul"***.

Bagi memperkukuhkan dan menjadikan kawasan RKK sebagai sebuah destinasi pelancongan yang unggul, cadangan tindakan pembangunan akan menitikberatkan cadangan-cadangan ke arah "Mempertingkatkan Imej dan Identiti Tioman Sebagai Destinasi Ekopelancongan Bertaraf Antarabangsa disamping menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan ke arah mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk setempat".

## KAWALAN PEMBANGUNAN

### Permohonan Perihal Tanah

Dalam tahun semasa, sebanyak tiga belas (13) permohonan perihal tanah telah dikemukakan untuk mendapat kelulusan dan masih di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut adalah seperti berikut:-

1. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Seluas 1.214 Hektar di Kg. Juara;

2. Cadangan Pembangunan Resort Hotel di Atas Tanah Kerajaan Seluas 22.513 Ekar di Teluk Berus;

3. Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Kg. Paya Seluas 400 mp Bagi Kegunaan Pembinaan Menara Telekomunikasi;

4. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Pulau Acheh;

5. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Pulau Acheh;

6. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Pulau Layak;

7. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Pulau Layak;

8. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Pulau Layak;

9. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong

Seluas 1.0 Hektar di Kampung Paya;

10. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Kampung Paya;

11. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Kampung Paya;

12. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kelong Seluas 1.0 Hektar di Kampung Paya;

13. Cadangan Pembangunan Perumahan Rakyat 1 Malaysia dan Pembangunan Bercampur Di Atas Tanah Kerajaan Seluas 45.03 Ekar.

**One Stop Centre (OSC)**

Dalam Tahun 2018, Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima dua (2) permohonan kelulusan cadangan pembangunan baru iaitu :-

1. Permohonan Kebenaran Merancang bagi Cadangan Pembangunan Resort Melalui Serah dan Berimilik Semula di Bawah Seksyen 204D KTN di Atas Lot 16, Lot 539, Lot 7051, Lot 7063, Lot 7064 di Sungai Tedau Mukut, Mukim Tioman; dan

2. Cadangan Membina satu (1) Unit Kedai Bebas Cukai Serta Kuarters Selingkat Sementara di Atas Lot 5011 (GM 2), Mukim Pekan Tioman.

# KUALITI HIDUP MASYARAKAT



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2018

## KUALITI HIDUP MASYARAKAT

### INFRASTRUKTUR FIZIKAL

**Bekalan Air**

Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah meluluskan peruntukan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sebanyak RM34 juta. Kerja-kerja pemasangan paip akan dilaksanakan dari Kg. Tekek sehingga ke Kg. Air Batang, Pulau Tioman. Pihak KPLB juga telah melantik konsultan untuk kerja-kerja ini. Pelaksanaan bagi projek ini dijangka pada Tahun 2019.

**Telekomunikasi**

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 640 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut, Pulau Tioman.

Dalam tahun semasa, semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular dan telefon talian tetap yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis kecuali di Kg. Mukut. Kemudahan Internet – streamyx (Kg. Salang, Kg. Air Batang, Kg. Tekek, Kg. Paya, Kg. Genting dan Kg. Juara) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

**Projek Menaiktaraf Kemudahan Asas, Infrastruktur dan Utiliti**

Dalam Tahun semasa, Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) telah meluluskan peruntukan dana Real Estate Tourism Fund (RETF) sebanyak **RM5.5 juta** bagi Menaiktaraf Infrastruktur Jeti Kg. Genting dan Jambatan Sg. Mangkai Kg. Genting, Pulau Tioman Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan. Kerja-kerja ukur *bathymetric* telah dilakukan di tapak.

Pada **22 Mei 2018**, Pentadbiran Lembaga ini telah menerima surat penangguhan pada **12 Julai 2018**. Walaubagaimanapun ECERDC telah

menjelaskan bayaran terhadap kos kajian yang telah dilaksanakan oleh Perunding iaitu sebanyak **RM286,309.19.**

## KEMUDAHAN SOSIAL

### Perumahan

Dalam tahun semasa, bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah seramai 3,574 orang manakala bilangan rumah ialah 775 buah seperti **Jadual 9.**

**Jadual 9** : Bilangan Kediaman dan Penduduk Tahun 2017 dan 2018

| Kampung | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|
| | **Bil. Rumah** | **Bil. Penduduk** | **Bil. Rumah** | **Bil. Penduduk** |
| Salang | 40 | 279 | 46 | 250 |
| Air Batang dan Tekek | 455 | 2,092 | 521 | 2,218 |
| Paya, Genting dan Lanting | 88 | 435 | 70 | 397 |
| Mukut | 46 | 225 | 60 | 289 |
| Juara | 70 | 283 | 78 | 420 |
| **Jumlah** | **697** | **3,314** | **775** | **3,574** |

**Sumber Maklumat: Banclan 2010 (2017) dan Pejabat Penghulu Mukim Tioman (2018)**

Pembinaan 116 unit rumah cluster bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki Kg. Tekek, Pulau Tioman di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun siap dibina pada Tahun 2015. Sehingga kini seramai 70 pemilik rumah PPR yang berjaya telah menerima kunci rumah masing-masing.

## Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan di Pulau Tioman di mana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti **Jadual 10**.

**Jadual 10 : Ruang Niaga Di Pulau Tioman**

| Bil | Nama Kampung | Dive shop | Hiburan dan Rekreasi | Makanan | Perkhidmatan | Tred Pelbagai | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Salang | 5 | - | 8 | 12 | 13 | 38 |
| 2. | Air Batang | 4 | - | 17 | 19 | 8 | 48 |
| 3. | Tekek | 4 | 4 | 27 | 14 | 52 | 101 |
| 4. | Paya | 2 | | 9 | 2 | 9 | 22 |
| 5. | Genting | 4 | - | 15 | 13 | 18 | 53 |
| 6. | Mukut | 1 | 1 | 8 | 12 | 7 | 28 |
| 7. | Juara | - | - | 14 | 15 | 6 | 35 |
| | **JUMLAH** | **20** | **5** | **101** | **87** | **113** | **328** |

Bagi Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek, Pulau Tioman, pihak DR Group masih belum memulakan projek di tapak. Lembaga Pembangunan Tioman telah bercadang untuk membuat satu (1) Perjanjian Tambahan' dengan memasukkan tarikh tepat atau tempoh sebenar projek ini akan dimulakan.

## PENGURUSAN KUMBAHAN

### Projek Jangka Pendek

Lembaga Pembangunan Tioman dengan hasil usahasama Indah Water Konsortium Pahang telahpun melaksanakan satu (1) program jangka pendek bagi pengurusan kumbahan di premis swasta, bangunan kerajaan dan kediaman di Kg. Tekek dan Kg. Salang melalui peruntukan yang telah diluluskan dari Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC). Peruntukan untuk melaksanakan program jangka pendek ini akan dimohon lagi bagi melaksanakannya di kampung-kampung yang lain.

### Memperbaiki Sistem Pelupusan

Pihak Kementerian Kewangan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah pun melantik operator bagi menguruskan loji Insinerator Kg. Tekek. Lantikan telah dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) kepada Syarikat Drizzle Engineering untuk tempoh selama tiga (3) tahun bermula 15 Mac 2018. Sehingga kini loji insinerator ini masih beroperasi seperti biasa degan "backlog" yang berbaki 800 tan.

## PENGURUSAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN KAWALAN PERNIAGAAN

### Kawalan Dan Pencegahan Penyakit Berjangkit

- **Aktiviti Kawalan Vektor**

- Pulau Tioman merupakan salah sebuah pulau bebas denggi. Namun begitu, terdapat **satu (1)** kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2018 yang merupakan kes import.
- Lembaga Pembangunan Tioman sentiasa melaksanakan aktiviti semburan kabus/asap secara berkala di tujuh (7) buah kampung di Pulau Tioman.

| Pecahan Jumlah Kes Demam Denggi Di Pulau Tioman | |
|---|---|
| • Demam denggi | |
| - Kampung Salang | 1 |
| • Denggi berdarah | 0 |

- Semburan bagi kawalan kes demam denggi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Kawasan | Tarikh |
|---|---|
| | 15 April 2018<br>25 April 2018 (ulangan)<br>29 November<br>6 Disember (ulangan)<br>2 Disember<br>9 Disember (ulangan) |

| Tindakan Kawalan | Jumlah Premis | |
|---|---|---|
| | Kediaman | Perniagaan |
| Premis yang diperiksa | 387 | 321 |
| Premis yang positif pembiakan | 56 | 80 |
| Premis yang disembur | 387 | 4 |
| Notis pembersihan yang dikeluarkan | 96 | 80 |
| Brochure/ pamphlet yang diedar | 387 | 321 |

**Jadual 12: Aktiviti Kawalan Kes Demam Denggi di Pulau Tioman**

| Kampung | Tarikh Semburan |
|---|---|
| Salang | 6 – 7 Mac 2018 |
| Air Batang | 13 – 14 Mac 2018 |
| Genting | 23 – 25 April 2018 |
| Paya | 3 Mei 2018 |
| Mukut | 17 April 2018 |
| Tekek | 20 – 23 Mac 2018 |
| Juara | 1 – 2 Mei 2018 |

**Jadual 11: Aktiviti Semburan Kabus/Asap di Pulau Tioman**

- Aktiviti Kawalan agas juga dijalankan di beberapa kawasan pantai di Pulau Tioman bagi mengawal populasi telur dan agas dewasa. Sebanyak **dua (2)** kali aktiviti semburan agas telah dilaksanakan pada tahun 2018.

| Aktiviti Kawalan Agas Di Pulau Tioman | |
|---|---|
| Kampung Salang | 8 Mac 2018 |
| Kampung Juara | 3 Mei 2018 |



**Aktiviti Semburan Kabus/Asap Bagi Kawalan Kes Demam Denggi di Pulau Tioman**



**Aktiviti Semburan Kabus/Asap Bagi Kawalan Agas di Pulau Tioman**

**Kawalan Kualiti Dan Mutu Makanan**

**Fungsi Dan Tanggungjawab**

- Memberikan penarafan dan pengiktirafan kepada semua premis makanan di Pulau Tioman mengikut tahap kebersihannya.
- Mengurangkan kadar insiden penyakit bawaan makanan dan air serta kematian yang disebabkan olehnya.
- Memastikan makanan yang disediakan adalah selamat untuk dimakan.
- Mempertingkatkan tahap kebersihan dan nilai estetika sesebuah premis makanan.
- Mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pengusaha dan pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.

## Pemeriksaan Kebersihan Dan Penggredan Premis Makanan

- Lembaga Pembangunan Tioman bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Rompin sentiasa menjalankan pemeriksaan kebersihan dan penggredan premis makanan di Pulau Tioman secara berkala.

- Pemeriksaan dan penggredan premis makanan dibuat berdasarkan Garis Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan di Pihak Berkuasa Tempatan. **(Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2014)**

- Pemeriksaan ke atas premis makanan dilakukan berdasarkan tiga (3) kriteria yang ditetapkan iaitu kebersihan makanan dan minuman, keselamatan dan kesihatan pengendali makanan dan kebersihan persekitaran premis termasuk peralatan.

- Pengiktirafan premis makanan berdasarkan penarafan tiga (3) gred:

| Pengiktirafan Premis | Gred | Julat Markah |
|---|---|---|
| Amat Bersih | A | 86% – 100% |
| Bersih | B | 71% - 85% |
| Kurang Bersih | C | 51% - 70% |

*Premis yang mendapat markah 50% dan ke bawah akan diambil tindakan susulan yang membawa kepada penutupan premis.

- Sebanyak **163 buah** premis makanan di Pulau Tioman telah diperiksa dan diberikan penarafan gred. Pecahan gred seperti di dalam jadual.

| Gred | Bilangan Premis |
|---|---|
| A | 75 buah |
| B | 88 buah |
| C | Tiada |

**Jadual 13: Pecahan gred premis makanan di Pulau Tioman.**







**Pengeluaran Kad Pengendali Makanan**

- Semua pengendali makanan di Pulau Tioman perlu mendapatkan suntikan typhoid daripada klinik-klinik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan membuat permohonan kad pengendali makanan daripada Lembaga Pembangunan Tioman.
  **[Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1986 dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005)]**

- Bagi Tahun 2018, Lembaga Pembangunan Tioman telah memproses sebanyak 208 **permohonan** kad pengendali makanan kepada pemohon.

| Pecahan Jumlah Pengeluaran Kad Mengikut Kampung | |
|---|---|
| Kampung Mukut | 19 |
| Kampung Genting | 21 |
| Kampung Paya | 32 |
| Kampung Tekek | 74 |
| Kampung Air Batang | 14 |
| Kampung Salang | 0 |
| Kampung Juara | 33 |



### Promosi Kesihatan

- Lembaga Pembangunan Tioman sentiasa berusaha meningkatkan tahap kesedaran awam berkaitan penjagaan kebersihan kawasan di Pulau Tioman termasuklah premis perniagaan dan kediaman. Statistik promosi dan pendidikan kesihatan adalah seperti di dalam rajah.



### Kawalan Perniagaan

### Fungsi Dan Tanggungjawab

| | |
|---|---|
| Memproses permohonan baru dan pembaharuan Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan, Lesen Penjaja, Permit Perniagaan Sementara dan Lesen/Permit Hiburan. | Mengeluarkan notis-notis ke atas ketidakpatuhan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005). |
| Menjalankan aktiviti pemantauan berkala ke atas semua premis perniagaan di Pulau Tioman. | Menguruskan aduan awam di Pulau Tioman. |

- **Pengeluaran Lesen Perniagaan**

Salah satu fungsi PBT yang diambil alih oleh Lembaga Pembangunan Tioman adalah melesenkan aktiviti atau jenis perniagaan ke atas semua premis perniagaan di dalam Kawasan Pentadbiran Lembaga selaras dengan peruntukan **Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil Pelesenan Lembaga Pembangunan Tioman (2005).**

Terdapat **empat (4)** jenis permohonan lesen perniagaan iaitu:

a) Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan
b) Lesen Penjaja
c) Permit Perniagaan Sementara
d) Lesen Hiburan

Sepanjang tahun 2018, terdapat **342 lesen melibatkan 454 jenis perniagaan** telah dikeluarkan oleh Lembaga dengan kutipan hasil berjumlah **RM113,236.00.**

| Lesen | Bil | Jumlah Hasil (RM) |
|---|---|---|
| Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan | 215 | 102,987.00 |
| Lesen Penjaja | 24 | 1,209.00 |
| Permit Perniagaan Sementara | 2 | 30.00 |
| Lesen Hiburan | 1 | 9,310.00 |
| **Jumlah** | **241** | **113,236.00** |

**Jadual 14: Pecahan Bilangan Pengeluaran Lesen dan Kutipan Hasil Tahun 2018**



Peratus Pengeluaran Lesen Perniagaan Di Pulau Tioman

- Jenis perniagaan yang telah dilesenkan di Pulau Tioman melibatkan dua puluh enam (**26**) **aktiviti** seperti di dalam jadual:

| Bil | Aktiviti Perniagaan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Hotel Kelas Pertama | 17 |
| 2. | Hotel Kelas Kedua | 0 |
| 3. | Hotel Kelas Ketiga | 94 |
| 4. | Restoran/Kedai Makan/Cafe | 163 |
| 5. | Bar/Lounge | 4 |
| 6. | Kedai Roti | 1 |
| 7. | Kedai Runcit | 33 |
| 8. | Kedai Bebas Cukai | 3 |
| 9. | Kedai Cenderamata | 30 |
| 10. | Spa | 10 |
| 11. | Dobi | 5 |
| 12. | Pusat Skuba | 31 |
| 13. | Pusat Rekreasi Laut | 14 |
| 14. | Pusat Aktiviti Marin | 1 |
| 15. | Club House | 1 |
| 16. | Pro Shop | 1 |
| 17. | Bengkel Batik | 1 |
| 18. | Bengkel Kenderaan | 4 |
| 10. | Pejabat Perkhidmatan Sewaan Kenderaan | 4 |
| 20. | Burung Walit | 2 |
| 21. | Hiburan | 1 |
| 22. | Penjaja | 24 |
| 23. | Pusat Informasi | 3 |
| 24. | Menyetor Diesel | 1 |
| 25. | Menyetor LPG | 1 |
| 26. | Kedai Jahitan | 1 |
| | **Jumlah** | **454** |

## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

### Fungsi Dan Tanggungjawab

Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas pemakaian Akta 171, Akta 172, Akta 133, Enakmen Negeri dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005).

Menjalankan aktiviti pemantauan secara berkala ke atas semua premis perniagaan di Pulau Tioman.

Mengambil tindakan ke atas aduan-aduan awam yang berlaku di Pulau Tioman.

➢ **Perundangan**

- Lembaga Pembangunan Tioman telah diberi kuasa sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada **01 Jun, 2002**.
  **[Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke-13/2002 pada 22 Mei, 2002]**

- Melalui keputusan ini, Lembaga telah menjalankan fungsi-fungsi PBT sepertimana yang digariskan di bawah **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005).**

| Senarai Undang-Undang Kecil<br>Lembaga Pembangunan Tioman (2005) |
|---|
| 1. Undang-Undang Kecil Fi Pelan dan Permit |
| 2. Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan) |
| 3. Undang-Undang Kecil Pasar |
| 4. Undang-Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan |
| 5. Undang-Undang Kecil Penjaja |
| 6. Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut |
| 7. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian |
| 8. Undang-Undang Kecil Hotel |
| 9. Undang-Undang Kecil Iklan |
| 10. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pengangkutan dan Pelupusan Sampah |

**Jadual 15: Senarai Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005) yang telah diwartakan pada 19 Januari, 2005**

➢ **Penguatkuasaan**

- **Sebanyak 101 notis** telah dikeluarkan mengikut kesalahan bagi tahun 2018.

| Jenis Kesalahan | |
|---|---|
| Menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah | 29 |
| Papan iklan tanpa lesen | 70 |
| Aduan awam | 2 |
| **Jumlah** | **101** |

**Jadual 16: Jumlah Notis Yang Dikeluarkan Mengikut Jenis Kesalahan**

## PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

### ➢ Fungsi dan Tanggungjawab

| | |
|---|---|
| Mengawal selia aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh Anggota Perkhidmatan Lembaga di Kampung Tekek. | Mengawal selia aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ke atas Kontraktor Pembersihan di lain-lain kampung selain Kampung Tekek. |
| Menjalankan aktiviti gotong-royong dan kempen kebersihan di Pulau Tioman. | Melaksanakan kerja-kerja tindakan khas sebagai bantuan awal apabila berlakunya bencana. |

### ➢ Kutipan Sisa Pepejal Dan Kebersihan Kawasan

- Lembaga telah menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di Pulau Tioman sejak Tahun 1997 sehingga kini.

- Selaras dengan Dasar Penswastaan Negara, Lembaga telah menandatangani **Perjanjian *Tripartite* Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam** di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Dan Lembaga Pembangunan Tioman pada **1 September 2011**. Namun begitu, pengambilalihan tersebut masih belum dapat dilaksanakan disebabkan dokumentasi yang belum lengkap.

- Kutipan sisa pepejal dan pembersihan kawasan di **Kampung Tekek** dilaksanakan oleh **Anggota Perkhidmatan Lembaga**. Terdapat empat (4) pembahagian unit di Bahagian Perbandaran Dan Kerajaan Tempatan (BKT).

| Unit | Keterangan Tugas | Kekerapan |
|---|---|---|
| Unit Pemungutan Dan Pengangkutan Sisa Pepejal | Pemungutan, pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal dan sisa pukal di semua lokasi tong dan Floating, Sungai Tekek. | **Dua (2) kali sehari**<br>Setiap hari kecuali Hari Raya Pertama Aidilfitri dan Aidiladha |
| Unit Pemotongan Rumput | Pemotongan rumput di tiga (3) Zon iaitu:<br>- Kawasan Kuarters JKR sehingga Laluan Belakang Airport.<br>- Laluan kiri dan kanan jalan Vision sehingga laluan ke Dewan.<br>- Kawasan Dewan sehingga Taman Laut. | **Dua (2) pusingan sebulan** |
| Unit Kebersihan Air | Melaksanakan pembersihan laluan jeti, longkang, kawasan awam dan pantai. | **Setiap hari bekerja** |

**Jadual 17: Senarai Unit dan Tugas Bagi Kutipan Sisa Pepejal dan Kebersihan Kawasan di Kg. Tekek**

- Bagi **lain-lain kampung**, kutipan sisa pepejal dan pembersihan kawasan telah **dikontrakkan kepada pihak Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Kontraktor yang dilantik oleh pihak Lembaga.**

| JKKK/ Kontraktor | Kampung | Kos (RM) Setahun |
|---|---|---|
| Kampung Tekek | Air Batang Dan Panuba | 69,500.00 |
| Kampung Juara | Juara | 96,000.00 |
| Kampung Genting | Genting | 79,000.00 |
| Kampung Mukut | Mukut Air Tegun Asah | 54,918.00 |
| Abd. Malik Bin Othman | Salang | 67,760.00 |
| Ilham Tioman Enterprise | Paya | 24,750.00 |
| | Jumlah | 391,928.00 |

**Jadual 18: Kos Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di Lain-Lain Kampung di Pulau Tioman Tahun 2018**

- Purata penjanaan sisa pepejal di Pulau Tioman mengikut musim adalah seperti berikut:

| Kuantiti Penghasilan Sisa Pepejal di Pulau Tioman | |
|---|---|
| Musim biasa | 1 – 2 tan sehari |
| Musim puncak (April – Julai) | 4 – 6 tan sehari |



**Pengurusan Sisa Pepejal Daripada Lain-Lain Kampung di Pulau Tioman**

# PELANCONGAN



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2018

# PELANCONGAN

## PRODUK

### Aktiviti Rekreasi Laut dan Pantai

Pada masa ini, hampir 80% aktiviti pelancongan di Pulau Tioman adalah tertumpu ke kawasan laut dan pantai. Pulau Tioman sememangnya terkenal dengan keindahan khazanah dasar laut menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Selain kawasan Pulau Tioman itu sendiri, pulau- pulau kecil berhampiran seperti Pulau Rengis, Pulau Soyak, Pulau Tulai dan Pulau Labas adalah antara tarikan dan pilihan utama pelancong untuk melakukan aktiviti *snorkeling* dan selam skuba.

Manakala di kawasan pantai pula, aktiviti riadah seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai serta aktiviti *sunbathing* menjadi pilihan para pelancong. Bagi golongan muda yang sukakan aktiviti lebih mencabar kebiasaannya akan mencuba untuk meluncur ombak dan berkayak. Bagi kaki pancing pula, aktiviti memancing dan mencandat sotong boleh dilakukan di laut dalam (jarak dua (2) batu nautika dari pantai bagi Pulau Taman Laut).

### Pembangunan Aktiviti Daratan

Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan lautan dan pantainya, masih banyak aktiviti daratan seperti kembara hutan dan *rock climbing* yang boleh diterokai oleh pelancong di sini. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini, Lembaga sentiasa bersikap terbuka untuk membantu dan bekerjasama dengan mana-mana pihak yang berminat menjalankan program berkaitan aktiviti tersebut. Trek kembara hutan dari Kampung Tekek ke Kampung Juara dan Kampung Air Batang ke Kampung Salang merupakan antara laluan yang paling popular digunakan oleh pelancong untuk menjalankan aktiviti kegemaran mereka ini.

Aktiviti memanjat gunung di Gunung Kajang dan Gunung Nenek semukut juga menjadi satu daya tarikan utama pelancong yang menggemari aktiviti lasak ini. Para pelancong yang gemarkan aktiviti ini biasanya akan tinggal lebih lama di Pulau Tioman kerana aktiviti ini mengambil masa yang agak panjang. Selain itu, terdapat beberapa lagi tarikan aktiviti hutan yang menjadi pilihan pelancong seperti melihat Pokok Pakma dan cameleon di hutan Kampung Juara, aktiviti melihat burung serta aktiviti santai di Air Terjun Asah, Kampung Asah dan Air Terjun Lubuk Teja, Kampung Juara.

Antara usaha pihak Lembaga dalam menyokong serta mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai serta aktiviti di daratan ini dengan membantu melaksanakan beberapa acara yang dianjurkan oleh pihak swasta. Acara- acara ini telah pun menjadi acara tahunan di Pulau Tioman. Berikut merupakan acara pelancongan yang telah berlangsung sepanjang tahun 2018 di Pulau Tioman.

Jadual 17 : Acara Pelancongan

| BIL. | NAMA PROGRAM/ TEMPAT | TARIKH | PENGANJUR | CATITAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Tioman Surfestival (Kampung Juara) | 25 Januari hingga 27 Januari, 2018 | Tioman Boardriders Event Management | - Acara pada tahun ini melibatkan seramai 108 orang peserta. Acara ini melibatkan 96 orang peserta tempatan dari Pulau Tioman, Kuantan, Cherating, Pulau Pinang, Terengganu, Kuala Lumpur dan Johor Bahru.<br>- Peserta Antarabangsa pula berjumlah 12 orang yang terdiri daripada:<br>• Indonesia- 6 orang<br>• Australis – 3 orang |

| BIL. | NAMA PROGRAM/ TEMPAT | TARIKH | PENGANJUR | CATITAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • Taiwan – 1 orang<br>• Rusia – 1 orang<br>• Sweden – 1 orang<br><br>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan media-media berikut:-<br><br>• RTM (Pahang)<br>• RedTurtle Media |
| 2 | Bubble Camp (Kampung Genting) | 19 Mac hingga 22 Mac, 2018 | Villagers Travel & Tours Sdn. Bhd. | - Penganjuran Bubble Camp pada tahun ini telah berjaya menarik minat 78 orang peserta yang terdiri daripada:<br><br>• 37 orang peserta dari sekolah-sekolah di Pulau Tioman<br>• 41 orang peserta dari sekolah luar antaranya SK Subang Bistari, SK Bukit Sekilau dan SK Sri Mersing.<br><br>- Para peserta terdiri dari pelajar sekolah berusia 9 hingga 15 tahun.<br><br>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media- media berikut:-<br>• Bernama TV<br>• Astro Awani<br>• Utusan Malaysia<br>• Harian Metro<br>• Kosmo |

| BIL. | NAMA PROGRAM/ TEMPAT | TARIKH | PENGANJUR | CATITAN |
|---|---|---|---|---|
| 4 | Sail Malaysia Passage To The East Yacht Rally 2018 (Kampung Tekek) | 11 Mei dan 12 Mei, 2018 | SM Discovery Sdn. Bhd | - Pada tahun ini sebanyak 29 buah kapal layar dengan 62 orang peserta dari pelbagai negara seperti Australia, Canada, United Kingdom, USA dan New Zealand telah singgah di perairan Tioman bagi menyertai Rally ini.<br>- Berita tentang acara ini boleh didapati di website **www.sailmalaysia.net** dan juga laman Facebook Sail Malaysia. |
| 5 | Start in Tioman 2018 (Kampung Genting) | 9 hingga 12 Ogos 2018 | Villager's Travel & Tours | - Penganjuran acara pada tahun ini telah berjaya menarik minat 150 orang peserta.<br>- Tema acara pada tahun ini adalah Underwater Voting. Peserta diberi pilihan samada mahu acara ini diteruskan sehingga berlangsungnya Tahun Melawat Malaysia 2020 atau tidak.<br>- Seramai 131 pengundi yang terdiri dari penyelam scuba telah membuat undian ketika berada di dasar laut dan kesemua mereka memilih agar acara ini diadakan lagi pada masa-masa akan datang.<br>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media- media berikut:- |

| BIL. | NAMA PROGRAM/ TEMPAT | TARIKH | PENGANJUR | CATITAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • Bernama TV<br>• Astro Awani<br>• Utusan Malaysia<br>• Kosmo |
| 8 | Royal Pahang Billfish International Challenge 2018 (Kampung Lanjut, Rompin) | 14 hingga 18 September 2018 | Persatuan Memancing Malaysia | - Penganjuran pada kali ini adalah kali ke-14 diadakan. Bagi penganjuran pada tahun ini, KDYMM Pemangku Raja Pahang telah berkenan untuk merasmikan Acara Pelepasan pada 15 September, 2018. Tuanku Pemangku Raja Pahang juga telah turut sama mencemar duli berangkat turun ke laut untuk memancing.<br><br>- Penyertaan pada kali ini adalah sebanyak 25 pasukan (75 orang peserta) yang terdiri dari peserta tempatan, Jerman, Thailand, Singapura, China dan Australia.<br><br>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari;<br>• RTM<br>• BERNAMA<br>• The Star<br>• Harian Metro<br>• The Malaysian Reserve<br>• Sinar Harian<br>• Karangkraf Online |

**Pembangunan Industri Pelayaran**

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 126 buah kapal layar telah singgah di Marina Awam Pulau Tioman. Selain dari pelayar yang singgah untuk mendapatkan bekalan makanan atau keperluan lain, terdapat segelintir yang memilih untuk tinggal lebih lama di Pulau Tioman. Keindahan alam semulajadi Pulau Tioman dan suasana yang tenang menjadi tarikan utama para pelayar yang singgah di sini. Ada antara pelayar yang tinggal beberapa bulan dan ada juga pelayar yang berulang setiap tahun untuk menghabiskan masa di Pulau Tioman. Hal ini kerana mereka tertarik dengan keindahan alam semulajadi yang ada di sini selain dari kemudahan marina yang disediakan. Para pelayar dapat menggunakan kemudahan elektrik dan sumber air tawar di marina dengan kadar bayaran tertentu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Laut.





**Mewujudkan Aktiviti Musim Tengkujuh**

Jika kita melihat kepada pola kemasukan pelancong ke Tioman pada setiap tahun, bermula pada bulan November sehingga Februari menunjukkan penurunan kemasukan pelancong berbanding waktu puncak. Hal ini kerana cuaca semasa musim tengkujuh menjadi halangan kepada pelancong untuk

melakukan pelbagai aktiviti. Perkhidmatan pengangkutan ke Pulau Tioman juga terhad dan menyukarkan pelancong untuk datang. Oleh yang demikian, pihak Lembaga cuba mencari inisiatif untuk menggunakan musim tengkujuh sebagai salah satu tarikan kepada penggemar sukan luncur ombak. Aktiviti luncur ombak ini biasanya diadakan di Kampung Juara kerana ombak di sana lebih tinggi dan besar menjadikannya sesuai untuk menjalankan aktiviti tersebut. Pertandingan luncur ombak *Tioman Surfestival* yang diadakan telah menarik kemasukan pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, terdapat juga pelancong dan penduduk tempatan yang bermain luncur ombak ini di Kampung Paya, Kampung Tekek dan Kampung Salang.

Penganjuran acara-acara pelancongan semasa musim tengkujuh ini berpotensi menjadi salah satu faktor yang membantu merealisasikan hasrat Lembaga dalam menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi unggul pelancongan sepanjang tahun.

**AKSESSIBILITI**

**Jeti**

Akses utama untuk masuk ke Pulau Tioman adalah melalui Jeti Tanjung Gemok, Rompin dan juga Jeti Mersing, Johor. Operasi kedua-dua jeti ini adalah di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia. Penumpang yang menaiki feri ini akan diturunkan di setiap kampung mengikut destinasi penginapan masing-masing. Hentian feri di Pulau Tioman adalah di Jeti kampung Genting, Jeti Kampung Paya, Jeti Kampung Tekek, Jeti Kampung Air Batang dan Jeti Kampung Salang.

**Feri**

Perkhidmatan feri yang berpengkalan di Tanjung Gemok dikendalikan oleh Syarikat Bistari Gemilang Shipping Sdn. Bhd. dan Cataferry Sdn. Bhd. Jadual feri dari jeti Tanjung Gemok ini adalah berbeza bagi setiap syarikat tersebut. Namun begitu, pada musim puncak jadual perjalanan setiap feri akan ditambah bergantung kepada

tempahan dan permintaan penumpang. Jadual perjalanan akan dikeluarkan pada setiap bulan. Pihak Lembaga juga turut sama mempromosikan penggunaan perkhidmatan feri di Tanjung Gemok ini. Penyelarasan tempahan secara pukal bagi petugas dan mereka yang terlibat di dalam setiap acara kendalian Lembaga atau acara-acara lain dibuat menerusi perkhidmatan feri di sini. Direktori syarikat perkhidmatan feri di Tanjung gemok ini turut dimuatkan dalam laman web milik Lembaga (www.tioman.gov.my) bagi membantu mempromosikan perkhidmatan feri ke Tioman melalui Tanjung Gemok, Kuala Rompin, Pahang.

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan feri alternatif ke Pulau Tioman iaitu melalui Mersing, Johor. Kebanyakan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri di Mersing adalah mereka yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan, pelancong dari selatan Semenanjung Malaysia dan juga dari Singapura. Jadual perjalanan feri dari Mersing ini adalah lebih kerap dan bilangan feri yang beroperasi juga lebih banyak. Namun begitu, perjalanan feri ini bergantung kepada jadual pasang surut air laut.

**Lapangan Terbang**

Pada masa ini perkhidmatan pengangkutan udara yang beroperasi di Lapangan Terbang Kg. Tekek hanyalah pesawat peribadi dan tempahan khas sahaja. SAS Air beroperasi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan terbang ke Tioman mengikut tempahan yang ada. Selain itu, ia juga turut terbang dari Kuantan jika terdapat permintaan oleh penumpang. Kapasiti penumpang pesawat kepunyaan SAS Air adalah dari 6 hingga 14 tempat duduk sahaja.

Penerbangan berjadual, Berjaya Air telah menamatkan servis dan mengosongkan premis mereka di Lapangan Terbang Kg. Tekek bermula Disember 2014.

## KEMUDAHAN PELANCONG

### Penambahbaikan / Naik Taraf Premis Penginapan

Industri pelancongan di Pulau Tioman semakin hari semakin pesat membangun. Jika dilihat dari awalnya, hanya penduduk tempatan sahaja yang membina rumah-rumah penginapan dan restoran. Namun kini fenomena telah berubah di mana terdapat sebilangan pelabur luar yang membeli atau menyewa tanah untuk dibangunkan menjadi rumah penginapan pelancong, restoran mahupun kedai cenderahati. Premis penginapan yang mampu menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang bertaraf lima bintang mampu menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan di Pulau Tioman.

Dalam tahun 2018, beberapa buah resort telah menambah jumlah bilik mereka bagi memenuhi permintaan kemasukan pelancong yang tinggi terutama semasa musim puncak. Fasiliti bilik juga telah ditambahbaik seperti mandian air panas, *mini bar*, penyediaan televisyen dan juga kemudahan *wifi* serta penambahbaikan / penukaran perabot-perabot yang telah lama kepada diri yang lebih moden dan menarik. Berikut merupakan pecahan bilangan resort bagi setiap kampung di Pulau Tioman.

| BIL | KAMPUNG | JUMLAH | JUMLAH BILIK |
|---|---|---|---|
| 1 | MUKUT | 9 | 128 |
| 2 | GENTING | 14 | 310 |
| 3 | PAYA | 5 | 302 |
| 4 | TEKEK | 16 | 661 |
| 5 | AIR BATANG | 23 | 224 |
| 6 | SALANG | 17 | 304 |
| 7 | JUARA | 20 | 277 |
| JUMLAH BESAR | | 104 | 2206 |

**STATISTIK PELANCONG**

Kemasukan pelancong ke Tioman sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai **256,064 orang**. Angka ini menunjukkan **penurunan seramai 7,227 orang berbanding tahun 2017**. Pelancong antarabangsa paling ramai adalah dari Singapura, China, Britain, Jerman dan Perancis.

Bagi tujuan mengemaskini data-data kedatangan pelancong ke Tioman, pengambilan maklumat kedatangan pelancong ini dibuat setiap bulan. Selain mengambil kiraan kemasukan pelancong melalui feri dan kapal terbang, mod pengangkutan lain juga turut diambil kira seperti kapal persiaran atau kapal layar dan bot-bot tempahan khas untuk aktiviti menyelam yang kebiasaannya akan masuk pada hujung minggu.

Usaha-usaha bagi menambahkan bilangan pelancong yang datang serta pertambahan tempoh penginapan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Statistik kemasukan pelancong dari sepuluh tahun terdekat termasuk tahun semasa adalah seperti berikut.

***Jadual 19: Statistik Ketibaan Pelancong***






# PENYATA KEWANGAN



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2018

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

# KETUA AUDIT NEGARA
# MALAYSIA

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) dan Enakmen No. 7 Tahun 1997.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Tioman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Tioman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* dan Enakmen No. 7 Tahun 1997. Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Tioman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Tioman.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen No. 7 Tahun 1987, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Tioman telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(ZULKIFLI BIN TUNGAL)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUANTAN
26 OGOS 2016

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

**PENYATA PENGERUSI**
**DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL** dan **DATO' SRI HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**, dengan ikhlasnya mengaku bahawa Penyata Kedudukan Kewangan,Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada **31 Disember 2018** yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan kami adalah benar dan kami membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Bagi pihak Lembaga,

..........................................

**DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL,**
**SSAP.,DSAP.,DIMP.,SMP.,AMP.,**

**PENGERUSI**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

Bagi pihak Lembaga

..........................................

**DATO' SRI HAJI WAN ABDULLAH**
**BIN HAJI WAN SALLEH,**
**SSAP.,SIMP.,DSAP.,DIMP.,SAP.,**

**AHLI LEMBAGA PENGARAH**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN**
**TIOMAN**

Tarikh : 22 AUG 2019

Kuantan

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**
**<u>LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN</u>**

Saya, **NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN** pegawai utama yang bertanggungjawab keatas pengurusan kewangan **LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**, dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 4 hingga **24** mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya ini adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh **NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN** di Kuantan dalam Negeri Pahang Darul Makmur pada 22 AUG 2019 )

..............................................
**NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: C 077
Nama: AZIZ BIN JUSOH
01.01.2019
hingga
31.12.2021
MALAYSIA

A-112, TKT. 1, BGN. SRI PRIMA,
JALAN HJ. ABD. AZIZ,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.

# LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET SEMASA** | | | |
| Urusniaga bukan Pertukaran | 3 | 78,120 | 52,228 |
| Urusniaga Pertukaran | 4 | 42,480 | 15,935 |
| Pelbagai Akaun Belum Diterima | 5 | 24,886 | 138,982 |
| Wang Tunai dan Baki di Bank | 6 | 344,860 | 212,785 |
| Simpanan Tetap | 7 | 2,935,323 | 2,928,8[illegible] |
| | | 3,425,649 | 3,348,756 |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 8 | 1,551,205 | 1,588,958 |
| Aset Tak Ketara | 9 | 3,852 | 3 |
| | | 1,555,057 | 1,588,961 |
| **JUMLAH ASET** | | 4,980,706 | 4,937,717 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja Terakru | 10 | 756,134 | 492,500 |
| Geran Kerajaan | 11 | 2,587,573 | 2,587,573 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 12 | 149,840 | - |
| Peruntukan Hutang Lapuk | 13 | 32,915 | - |
| | | 3,526,462 | 3,080,073 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 3,526,462 | 3,080,073 |
| **ASET BERSIH** | | 1,454,244 | 1,857,644 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Lembaga | | 1,454,244 | 1,857,644 |
| | | 1,454,244 | 1,857,644 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| Urusniaga bukan Pertukaran | 14 | 3,927,998 | 4,786,290 |
| Urusniaga Pertukaran | 15 | 362,235 | 239,374 |
| **JUMLAH HASIL** | | 4,290,233 | 5,025,664 |
| | | | |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| **Emolumen** | | | |
| Gaji dan Upahan | | 1,082,162 | 992,711 |
| Elaun Tetap | | 244,555 | 262,072 |
| Sumbangan berkanun untuk Kakitangan | | 189,880 | 173,866 |
| Elaun Lebih Masa | | 61,974 | 96,388 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | | 208,106 | 123,882 |
| Elaun Ahli Lembaga | | 145,595 | 76,500 |
| | | 1,932,422 | 1,725,418 |
| **PERKHIDMATAN DAN BEKALAN** | | | |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 16 | 174,368 | 110,032 |
| Utiliti | 17 | 116,730 | 125,304 |
| Sewaan | 18 | 76,874 | 140,380 |
| Bekalan Bahan-bahan Mentah | 19 | 77,288 | 51,431 |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 20 | 75,556 | 40,939 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 21 | 52,639 | 50,114 |
| Perbelanjaan "Barges Sistem" | 22 | 409,340 | 385,897 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 23 | 395,013 | 503,094 |
| | | 1,505,860 | 1,408,301 |
| **PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP** | | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 24 | 37,740 | 23,910 |
| Penghapuskiraan Barang-barang | 25 | 1,131 | 1,846 |
| Tuntutan, insurans dan pampasan | 26 | 4,360 | 7,431 |
| Ganjaran | | 161,009 | 8,676 |
| Kenaan Bank | | 2,919 | 3,050 |
| | | 207,158 | 44,914 |
| **PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN** | | | |
| Perbelanjaan Promosi | 27 | 270,480 | 280,324 |
| Belanja Lawatan Kerja | 28 | - | 143,794 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 29 | 434,316 | 159,205 |
| Pulangbalik dan Hapuskira | | 47,148 | - |
| Hutang ragu | | 32,915 | - |
| | | 784,862 | 583,403 |
| Susutnilai | | 275,233 | 97,510 |
| | | 275,233 | 97,510 |
| | | | |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | 4,705,535 | 3,859,547 |
| | | | |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) BAGI TAHUN SEMASA** | | (415,301) | 1,166,117 |

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | Kumpulan Wang Lembaga |
|---|---|---|
| Lebihan Bersih Bagi 31 Disember 2017 | | 1,857,644 |
| *- Seperti yang dinyatakan terdahulu* | | |
| *Pelarasan Tahun Lalu* | 30 | 11,901 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | | 1,869,545 |
| Lebihan Bersih Bagi Tahun | | (415,301) |
| **Baki pada 31 Disember 2018** | | **1,454,244** |

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan / (Kurangan) bagi tahun | (415,301) | 1,166,117 |
| **Pergerakan bukan tunai:** | | |
| Susutnilai aset | 235,233 | 97,510 |
| Keuntungan dari Penjualan Aset | 114,795 | |
| (Peningkatan)/Pengurangan akaun belum terima | (51,624) | (78,886) |
| Peningkatan/(Pengurangan) akaun belum bayar | 466,799 | 159,592 |
| Peningkatan/(Pengurangan) Geran Kerajaan | | (207,865) |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi | 379,894 | 1,137,168 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Belian hartanah pelaburan | (241,377) | (1,434,409) |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan | (241,377) | (1,434,409) |
| Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tempoh | 138,517 | (297,241) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 3,141,646 | 3,438,887 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh** | **3,280,163** | **3,141,646** |
| *Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:* | | |
| Wang di tangan dan di bank | 344,840 | 212,755 |
| Simpanan Tetap | 2,935,323 | 2,928,891 |
| | 3,280,163 | 3,141,646 |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018**

## 1. MAKLUMAT AM

### 1.1 Kegiatan Utama Lembaga

Kegiatan utama Lembaga Pembangunan Tioman adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Pulau Tioman.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Lembaga seperti kutipan sampah, pembersihan kawasan awam dan penataan lampu jalan.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Lembaga.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi pengurusan Lembaga.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Pekeliling Perbendaharaan.

Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan kedua yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata kewangan Lembaga telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian ("PERS").

### 2.2 Pemakaian MPSAS

| | |
|---|---|
| MPSAS 1 | Presentation of Financial Statement |
| MPSAS 2 | Cash Flow Statement |
| MPSAS 3 | Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors |
| MPSAS 9 | Revenue and Exchange Transactions |
| MPSAS 14 | Event After The Reporting Date |
| MPSAS 17 | Property Plant and Equipment |

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN *(Sambungan)*

2.2 Pemakaian MPSAS *(Sambungan)*

MPSAS 24 Presentation of Budget Information in Financial Statement

MPSAS 25 Employee Benefits

2.3 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.3.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) **Cukai Taksiran**
Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di kawasan Lembaga. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) **Sumbangan Membantu Kadar (SMK)**
SMK adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Lembaga. SMK diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) **Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit**
Lembaga merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubungan dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan persatuan-persatuan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perdagangan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

(iv) **Denda dan hukuman**
Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, saman dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan sebagai melanggar undang-undang atau denda cukai taksiran, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN *(Sambungan)*

### 2.3. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan *(Sambungan)*

#### 2.3.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran *(Sambungan)*

(v) **Geran Kerajaan**

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran belanja mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan.

#### 2.3.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) **Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan**

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini membabitkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) **Perolehan dari Jualan Barang-barang**

Perolehan dari jualan Barang-barang merupakan terimaan daripada jualan barang sebutharga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan dan lain-lain).

(iii) **Sewaan**

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Lembaga mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) **Faedah dan Perolehan dari Pelaburan**

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) **Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.3.2 (i) dan (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN *(Sambungan)*

### 2.4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.4.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktirafkan sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.4.3 Jika sesuatu aset diperoleh melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.4.4 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

### 2.5. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.5.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan.

2.5.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Jenis Aset | Kadar Tahunan (%) |
|---|---|
| Kenderaan | 20 |
| Jentera | 20 |
| Perabot dan Kelengkapan Pejabat | 20 |
| Alat Kelengkapan Elektronik | 20-50 |
| Alat Kelengkapan Elektrik | 20 |
| Alat Kelengkapan Penyiaran dan Perhubungan | 20 |
| Kelengkapan Fotografi dan Tayangan Gambar | 20 |
| Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan | 20 |
| Bangunan dan Pembaikan | 2-10 |

Aset Tak Ketara 20

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN *(Sambungan)*

### 2.5. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan *(Sambungan)*

2.5.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

### 2.6. Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Lembaga dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur kepada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan yang diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2. **DASAR-DASAR PERAKAUNAN** *(Sambungan)*

2.7. Maklumat Bajet

2.7.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Membandingkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.7.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pemeriksaan Bajet dan telah diluluskan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Pahang.

2.8. Manfaat Pekerja

2.8.1 **Manfaat kakitangan jangka pendek**
Lembaga yang ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997 Kerajaan Negeri Pahang sebagai Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari. Kemudahan perubatan di klinik-klinik panel yang diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

2.8.2 **Manfaat selepas perkhidmatan**
i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)
iii) Manfaat Cuti Rehat (GCR)
iv) Ganjaran Kakitangan Kontrak

2.9 Peruntukan Hutang Ragu

2.9.1 **Elaun Hutang Ragu**
Pemakaian MPSAS menghendaki elaun hutang ragu ini dibuat secara Khas dan bukan berdasarkan pertimbangan. Pihak Lembaga membuat peruntukan secara umum sebanyak 5% daripada jumlah tunggakan untuk hutang ragu ini. Semua kesan berhubung elaun hutang ragu telah dimulakan pada tahun kewangan ini.

## 3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM DITERIMA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Diterima | | |
| Cukai Taksiran | 66,120 | 52,223 |
| Sumbangan Membantu Kadar | - | |
| Penghutang Pelbagai | 12,000 | - |
| | 78,120 | 52,223 |

## 4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM DITERIMA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Urusniaga Pertukaran Belum Diterima | | |
| Akaun belum terima sewaan ruang niaga | 40,480 | 15,905 |
| Akaun belum terima sewaan tanah | 2,000 | - |
| | 42,480 | 15,905 |

## 5. PELBAGAI AKAUN BELUM DITERIMA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Pelbagai Akaun Belum Diterima | | |
| *Sinking fund* ruang niaga | 10,686 | 23,615 |
| Pendahuluan pelbagai | 500 | - |
| Deposit elektrik | 4,000 | 4,600 |
| Deposit sewa pejabat | 8,000 | 19,000 |
| Deposit meter air | 1,700 | 1,700 |
| Terimaan terakru - Perumahan SUK | | 39,567 |
| Terimaan terakru - Pejabat Kewangan | | 50,500 |
| | 24,886 | 138,982 |

## 6. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Wang Di Tangan dan di Bank | | |
| Tunai di tangan | 3,000 | 3,000 |
| Wang di bank | 341,840 | 209,755 |
| | 344,840 | 212,755 |

## 7. SIMPANAN TETAP

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Simpanan Tetap | | |
| Komersial bank | 2,935,323 | 2,928,891 |
| | 2,935,323 | 2,928,891 |

## 8. ASET TAK KETARA, HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Bangunan | Pembaikan Bangunan | Kenderaan dan Jentera | Perabot, alat kelengkapan pejabat dan Buku Teks | Alat kelengkapan elektrik dan Elektronik | Alat Kelengkapan Penyiaran dan Perhubungan | Kelengkapan Fotografi dan Tayangan Gambar | Kelengkapan keselamatan, kebersihan | Aset tak ketara | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | | | | | |
| Pada 1.1.18 | 2,899,425 | 126,258 | 1,514,116 | 240,837 | 168,526 | 9,951 | 97,754 | 21,103 | 17,000 | 5,086,765 |
| Tambahan | 33,803 | - | 156,890 | 8,600 | 34,387 | - | - | - | 7,500 | 241,377 |
| Penjualan | 180,308 | - | 623,277 | 2,559 | 25,976 | 4,691 | 6,300 | 13,465 | 8,500 | 863,069 |
| Pada 31.12.18 | 2,752,920 | 126,258 | 1,047,729 | 246,878 | 176,937 | 5,260 | 91,454 | 7,638 | 16,000 | 4,463,074 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | | | | |
| Pada 1.1.18 | 1,732,123 | 106,936 | 1,176,468 | 195,570 | 149,881 | 9,944 | 87,742 | 20,239 | 16,996 | 3,495,788 |
| Tambahan | 123,301 | 1,943 | 105,963 | 25,809 | 14,175 | - | - | 392 | 3,650 | 275,233 |
| Penjualan | 180,297 | - | 623,265 | 2,555 | 25,947 | 4,687 | 4,299 | 13,456 | 8,498 | 863,004 |
| Pada 31.12.18 | 1,675,105 | 108,879 | 659,106 | 218,824 | 138,109 | 5,257 | 83,443 | 7,145 | 12,148 | 2,908,017 |
| **Nilai buku bersih** | | | | | | | | | | |
| Pada 1.1.18 | 1,167,320 | 19,322 | 337,707 | 45,035 | 18,645 | 7 | 12 | 894 | 4 | 1,588,961 |
| Pada 31.12.18 | 1,077,815 | 17,379 | 388,623 | 28,054 | 38,829 | 3 | 11 | 493 | 3,852 | 1,555,057 |
| Susutnilai dikenakan bagi tahun 2018 | 123,301 | 1,943 | 105,963 | 25,809 | 14,175 | - | - | 392 | 3,650 | 275,233 |

## 9. <u>ASET TAK KETARA</u>

| <u>TAHUN 2018</u> | Perisian Komputer |
|---|---|
| **KOS** | |
| Pada 1 Januari 2018 | 17,000 |
| Tambahan dalam tahun | 7,500 |
| Pindahan | (8,500) |
| Kos pada 31 Disember 2017 | 16,000 |
| | |
| **SUSUTNILAI** | |
| Pada 1 Januari 2018 | 16,995 |
| Tambahan dalam tahun | 3,650 |
| Pindahan | (8,498) |
| Susutnilai pada 31 Disember 2018 | 12,142 |
| | |
| **AMAUN BAWAAN** | |
| Pada 31 Disember 2018 | **12,148** |

## 10. <u>PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU</u>

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| <u>Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja Terakru</u> | | |
| Pemiutang | 500,432 | 145,579 |
| Lain-lain pemiutang | 5,825 | 19,534 |
| Belanja terakru | 187,635 | 230,683 |
| Deposit sewa gerai | 24,220 | 27,020 |
| Deposit hiburan | 11,500 | 16,500 |
| Deposit kunci | 1,150 | 1,150 |
| Deposit lupus aset | 1,834 | 1,968 |
| Deposit tapak pasar malam | 800 | - |
| Pendapatan terdahulu lesen | 20,230 | 48,665 |
| Pendapatan terdahulu sewa | 2,450 | 6,400 |
| Pendapatan terdahulu Cukai Taksiran Am | 58 | - |
| | 756,134 | 492,500 |

## 11. GERAN KERAJAAN TERTUNDA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| <u>Geran Kerajaan Tertunda</u> | | |
| Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) | 1,919,693 | 1,919,693 |
| Kementerian Kewangan Malaysia | 667,881 | 667,881 |
| | 2,587,574 | 2,587,574 |

## 12. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| <u>Peruntukan Manfaat Kakitangan</u> | | |
| Baki pada awal tahun | - | - |
| Tambahan | 149,840 | - |
| Penggunaan | - | - |
| Baki akhir tahun | **149,840** | - |

## 13. PERUNTUKAN HUTANG LAPUK

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Peruntukan Hutang Ragu | | |
| Hutang Ragu | 32,915 | - |
| | 32,915 | - |

## 14. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| <u>Urusniaga bukan pertukaran</u> | | |
| Cukai taksiran | 638,309 | 396,112 |
| Sumbangan Kerajaan dan awam | 3,014,930 | 4,082,218 |
| Lesen | 150,864 | 83,611 |
| Permit | 2,060 | 2,400 |
| Sumbangan membantu kadar | 35,632 | 35,632 |
| Notis dan denda | 2,405 | 580 |
| Terimaan lawatan kerja | - | 143,794 |
| Lain-lain terimaan | 63,798 | 41,943 |
| | 3,927,998 | 4,786,290 |

## 15. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Urusniaga pertukaran | | |
| Sewaan | 136,313 | 77,630 |
| Faedah | 111,128 | 137,208 |
| Perolehan dari jualan barang | 114,796 | 24,536 |
| | 362,235 | 239,374 |

## 16. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup | | |
| Makanan dan minuman | 26,898 | 25,545 |
| Penginapan | 46,776 | 39,611 |
| Elaun perjalanan, bayaran tambang bas & teksi | 27,189 | 27,807 |
| Bayaran-bayaran lain | 13,486 | 17,069 |
| | 114,349 | 110,032 |

## 17. UTILITI

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Utiliti | | |
| Elektrik | 92,797 | 99,888 |
| Air | 2,069 | 1,961 |
| Telefon | 18,782 | 22,717 |
| Pos | 979 | 1,238 |
| Indah Water Konsortium | 103 | |
| | 114,730 | 125,804 |

## 18. SEWAAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Sewaan | | |
| Sewaan bangunan pejabat | 56,500 | 66,600 |
| Sewaan bangunan lain | 2,159 | 1,775 |
| Sewaan lori dan kenderaan barang | 14,425 | 68,680 |
| Sewaan tongkang | 1,820 | 2,555 |
| Sewaan lain-lain | 1,170 | 1,380 |
| | 76,074 | 140,990 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan *(Sambungan)*

## 19. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Bekalan bahan-bahan mentah | | |
| Alat-alat ganti | 7,337 | 5,494 |
| Petroleum dan bahan pembakar | 44,762 | 41,241 |
| Getah dan barang-barang buatan getah | 3,615 | 1,220 |
| Bahan Pengecat | 68 | - |
| Adhesive dan bahan plastik | 21,507 | - |
| Bekalan pertanian | - | 2,756 |
| Kayu dan keluaran kayu | - | 720 |
| | 77,289 | 51,431 |

## 20. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Bekalan dan bahan-bahan lain | | |
| Bekalan pejabat | 10,360 | 15,525 |
| Bekalan tenunan dan barang-barang pakaian | 36,294 | 13,244 |
| Bekalan am | 18,912 | 12,170 |
| | 65,566 | 40,939 |

## 21. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil | | |
| Penyelenggaraan bangunan termasuk alat keselamatan | 4,588 | 4,978 |
| Penyelenggaraan kenderaan dan jentera | 22,005 | 11,815 |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan elektronik | 22,564 | 20,134 |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan elektrik | 3,542 | 13,187 |
| | 52,699 | 50,114 |

## 22. BAYARAN KERAJAAN TEMPATAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan "*Borges System*" | | |
| Perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan "*Borges System*" | 409,340 | 385,097 |
| | 409,340 | 385,097 |

## 23. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|---|
| Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti | | | |
| Perkhidmatan yang dibeli | a | 85,349 | 53,451 |
| Bayaran pekerja sementara dan sambilan | | 452,087 | 424,570 |
| Keraian hospitaliti dan honorarium | | 58,377 | 25,073 |
| | | 595,813 | 503,094 |

(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:-

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan perubatan | 27,218 | 34,463 |
| Perkhidmatan perakaunan dan auditan | 10,462 | 10,033 |
| Perkhidmatan perundangan | 1,200 | 250 |
| Perkhidmatan latihan kakitangan | 4,873 | 2,390 |
| Perkhidmatan pengiklanan | 636 | |
| Perkhidmatan percetakan | 1,065 | 5,535 |
| Perkhidmatan yang lain | 39,735 | 230 |
| Perkhidmatan dobi | 160 | |
| Perkhidmatan perhubungan awam | - | 550 |
| | 85,349 | 53,451 |

## 24. PEMBERIAN DALAM NEGERI

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Pemberian dalam negeri | | |
| Pemberian kepada kelab sukan | 20,000 | 20,000 |
| Pemberian kepada lain-lain persatuan | 17,748 | 3,910 |
| | 37,748 | 23,910 |

## 25. PENGANGKUTAN BARANG-BARANG

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Pengangkutan barang-barang | | |
| Kaum pindah | 1,131 | 1,846 |
| | 1,131 | 1,846 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan *(Sambungan)*

## 26. TUNTUTAN, INSURANS DAN PAMPASAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Tuntutan, insurans dan pampasan | | |
| Insurans | 4,360 | 7,401 |
| Cukai | - | 30 |
| | 4,360 | 7,431 |

## 27. PERBELANJAAN PROMOSI

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan promosi | | |
| Acara Promosi | 56,715 | 20,616 |
| Acara *"Royal Pahang Billfish International Challenge* | 157,185 | 64,351 |
| Acara *"Sail Passage"* | 3,854 | 3,658 |
| Acara *"Surfing"* | 27,144 | 28,800 |
| Acara *"Start in Tioman"* | 25,582 | - |
| Acara *"Eco Challenge"* | - | 162,899 |
| | 270,480 | 280,324 |

## 28. BELANJA LAWATAN KERJA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Belanja lawatan kerja | | |
| Belanja lawatan kerja Menteri Besar, Pahang | - | 17,775 |
| Belanja lawatan kerja Perdana Menteri, Malaysia | - | 126,019 |
| | - | 143,794 |

## 29. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan pembangunan | | |
| Kerja-kerja pendawaian elektrik | 5,990 | - |
| Bayaran jurukur untuk projek Jeti Kg Salang | 14,984 | - |
| Membina tapak letak lori kompaktor | 15,700 | - |
| Projek jalan masuk ke Pusat Insinerator, Kg Tekek | 397,600 | - |
| Belanja projek yang lain | 45 | - |
| Bayaran penyewaan rumah transit, Kg Tekek | - | 6,600 |
| Kerja-kerja mengorek & mencuci longkang Kg Tekek | - | 76,235 |
| Membaikpulih & mengecat jambatan | - | 74,950 |
| Pembersihan pantai / sungai | - | 1,500 |
| | 434,319 | 159,285 |

## 30 PERLARASAN TAHUN LALU

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|---|
| Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti | 28.1 | 46 | 42 |
| Urusniaga bukan pertukaran | 28.2 | (6,909) | |
| Pelbagai akaun belum terima | 28.3 | (5,107) | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan belanja terakru | 28.4 | 67 | 1,240 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | | | (53,000) |
| | | (11,901) | (51,718) |

Nota

28.1 Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti
- Pelarasan belanja perubatan Klinik Al-Amin bagi bulan Disember 2017.

28.2 Urusniaga bukan pertukaran
- Pelarasan kesilapan pengkodan bagi terimaan lessen hiburan.

28.3 Pelbagai akaun belum terima
- Pelarasan bagi baki awal tahun-tahun terdahulu.

28.4 Pelbagai akaun belum bayar dan belanja terakru
- Bayaran kepada Puan Siti Jamaah Binti Sheikh Mohamed. Check telah dikeluarkan dua kali iaitu pada 3 Jun 2015 dan 22 Februari 2017. Pada 21 Ogos 2018, pihak Pengurusan membuat bayaran terus menggunakan panjar wang runcit.


Tioman
Ibu pejabat : No. 1&2, Jalan Endau Rompin, Tanjung Gemok, 26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur
No. Tel : 609-4133171 ; No. Fax : 609-4133178
Cawangan Tioman : Kg Tekek, Pulau Tioman 26800 Rompin Pahang Darul Makmur
No. Tel : 609-4191 242 ; No. Faks : 609-4191 396
e-mail : tdc@tioman.gov.my
website : www.tioman.gov.my